

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

06 MAC 2019

RABU



| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|--------------|---------------------------------------|-----|
| SINAR HARIAN | PAWE MILIK SEMUA, BUKAN HAK EKSKLUSIF | 2 |
| SINAR HARIAN | DENGGI DI JB SEMAKIN SERIUS | 3 |
| HARIAN METRO | ADA IMPAK POSITIF | 4 |



SINAR HARIAN

SINAR HARIAN 6/3/2019
PAWE milik semua, bukan hak eksklusif

MASAI - Mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) yang diberi amanah mengurus Pusat Aktivi- ti Warga Emas (PAWE) di nege- ri ini diingatkan agar tidak menyalahgunakan kemudahan itu.

Exco Pembangunan Wanita dan Pelancongan, Liow Cai Tung berkata, pihaknya ada menerima aduan warga emas tidak dibenar- kan mendaftar masuk di dua buah PAWE di Johor.

"Saya ingatkan kepada semua NGO yang menjaga PAWE, pus- tat ini adalah hak Kerajaan Per- sekutuan dan kerajaan negeri.

"Buka pusat berkenaan kepa- da semua warga emas tanpa mengira kaum dan agama. Sekiranya terdapat aduan, JKM akan buat pemantauan dan mengambil tin- dakan tegas," katanya ketika keti- ka lawatan kerja ke PAWE Pasir Gudang, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Men-



Chai Tung (tengah) dan Hannah (tengah) beramah mesra dengan salah seorang penghuni PAWE Pasir Gudang.

teri Pembangunan Wanita Kelu- arga dan Masyarakat, Hannah Yeo.

Katanya, NGO hanya diberi- kan hak untuk mengendalikan dan bukan pemilikan PAWE.

"Saya tidak mahu sebut PAWE mana tapi saya tidak mahu lagi menerima aduan se-

umpama ini.

"NGO yang ingkar akan ber- depan tindakan JKM termasuk menarik balik hak mereka," kata- nya.

Sementara itu, Hannah ber- kata, beliau mahu PAWE diper- luaskan dengan pelbagai aktiviti termasuk mempelajari gajet.



SINAR HARIAN

Denggi di JB semakin serius

SINAR HARIAN
6/3/2019

Ragut nyawa dua pelajar dalam tempoh dua bulan pertama 2019

RAZIATUL HANUM A
RAJAK@ATAN

BANDAR SERI ALAM

Wabak denggi yang melanda Johor Bahru semakin serius dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini. ADUN Johor Jaya, Liow Cai Tung berkata, daerah ini mencatatkan 2,000 kes bagi Januari dan Februari lalu yang meragut nyawa dua pelajar sekolah. "Kawasan Bandar Seri Alam ini paling serius dengan 44 kes dilaporkan sejak Januari dan Februari.

"Ada dua mangsa dilaporkan maut iaitu seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun dan pelajar lelaki berusia 14 tahun," katanya ketika membuat tinjauan di Pangsapuri Seri Ilham, di sini, semalam.

Justeru itu, beliau berkata, usaha pencegahan perlu dijalankan dengan serius memandangkan peningkatan kes yang membimbangkan itu.

"Isu ini adalah sangat serius, rekod menunjukkan peningkatan sebanyak 163.6 peratus berbanding tahun lalu bagi tempoh sama (Januari dan Februari)," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Zon Seri Alam 1, Ku Chee Chen berkata, peningkatan kes berlaku disebabkan sikap komuniti yang tidak mengambil berat kebersihan kawasan persekitaran.

"Kita dapati sebahagian



Cai Tung (tiga, kanan) bersama Chee Chen (tiga, kiri) dan Zulkifly (dua, kiri) mengedarkan risalah mengenai kesedaran berkaitan bahaya denggi kepada penduduk sekitar pangsapuri tersebut.

daripada mereka tak jaga kebersihan. Walaupun kita sudah jalankan gotong royong membersihkan semua kawasan yang berisiko, tapi tetap juga longkang itu akan sumbat kembali. "Malah ada individu tidak bertanggungjawab

membuang sampah merata-rata," katanya. Dalam pada itu, Ketua Unit Promosi Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Zulkifly Musa berkata, program Gotong Royong 12

minggu ternyata membuahkan hasil selepas diaplikasi di 20 kawasan sekitar bandar raya ini. Katanya, trend penurunan direkodkan sehingga 80 peratus di lokasi-lokasi tersebut. "Kita laksanakan gotong royong selama 12

info

Catat 2,000 kes bagi Januari dan Februari

minggu sebab nak hapuskan denggi ini dan kita tak boleh buat sekali. Sebaliknya, kita kena buat secara berkala.

"Sejak 2018 sehingga hari ini, sebanyak 20 lokasi yang telah menjalankan program ini bersama kami. Alhamdulillah selepas tamat program, 80 peratus daripada tempat-tempat 'hotspot' ini tiada lagi kes baharu," katanya.

Setakat ini, beliau berkata, program tersebut yang dicituskan di Selangor itu akan menumpu kepada daerah ini susulan rekod kes paling tinggi dicatatkan di Johor dengan 2,000 kes bagi dua bulan pertama ini.



HARIAN METRO

HARIAN METRO

6/3/2019 - Harian Metro

Ada impak positif

80 peratus lokasi tiada kes denggi baru menerusi Program Gotong-Royong 12 minggu

Mohd Sabran Md Sari
sab@metro.com.my

Seri Alam

Usaha berterusan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru melaksanakan Program Gotong-Royong 12 Minggu memberi impak positif apabila 80 peratus daripada 20 lokasi hotspot wabak denggi di daerah ini tidak mencatat sebarang kes baharu.

Ketua Unit Promosi Kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, Zulkifly Musa berkata, program yang dilaksanakan bersama Komuniti Daerah Johor Bahru itu berjaya mengurangkan kes di lokasi panas yang merekodkan demam denggi sebelum ini.

"Kami dapati program diperkenalkan sejak tahun lalu mendapat persetujuan daripada komuniti di kawasan itu.

"80 peratus daripada tempat itu (lokasi hotspot) tidak ada kes baharu," katanya selepas mengadakan tinjauan wabak denggi di Blok D, Pangsupuri Seri Ilham, Jalan Tasek di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Johor, Liow Cai Ting dan Ahli Majlis Zon 1 Seri Alam, Kuchee Chen.

Pada majlis itu, sebanyak 500 risalah berkaitan wabak demam denggi diagihkan kepada penduduk di taman berkenaan bertujuan memberi pengetahuan mengenai wabak penyakit berkenaan.



Liow bersama anggota Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru menerangkan wabak denggi.

Zulkifly berkata, pelaksanaan program selama 12 minggu itu bertujuan mencapai tiga objektif utama termasuk menghapuskan denggi, mengurangkan hujung kejaran dan memperkasakan komuniti. "Program ini sangat mudah, cepat dan pantas kerana membabitkan penyertaan ahli majlis, ADUN dan Ahli Parlimen, selain pemimpin komuniti perlu tahu apa yang dilaksanakan di kawasan masing-masing.

"Ketua keluarga atau wakil setiap rumah diwajibkan menyerta gotong-royong yang dilaksanakan mengikut jalan atau lorong dengan kehadiran penduduk direkodkan," katanya. Menurutnya, penduduk yang gagal aktiviti akan di-

bagai daya tarikan kepada penghuni. Sementara itu, Liow berkata, kerajaan negeri menerusi majlis mesyuarat kerajaan negeri yang dipengerusikan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian sentiasa dalam menangan wabak demam denggi. "Kerajaan negeri menggesa semua ahli majlis, ketua kampung dan ketua masyarakat mengambil bahagian dalam program gotong-royong supaya kes denggi tidak merebak dan dapat diturunkan.

"Pada masa sama Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) akan mengadakan program gotong-royong di Bandar Seri Alam pada 8 Mac dan berharap semua pihak mengambil bahagian," katanya.

bagai daya tarikan kepada penghuni.

Sementara itu, Liow berkata, kerajaan negeri menerusi majlis mesyuarat kerajaan negeri yang dipengerusikan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian sentiasa dalam menangan wabak demam denggi.

"Kerajaan negeri menggesa semua ahli majlis, ketua kampung dan ketua masyarakat mengambil bahagian dalam program gotong-royong supaya kes denggi tidak merebak dan dapat diturunkan.

"Pada masa sama Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) akan mengadakan program gotong-royong di Bandar Seri Alam pada 8 Mac dan berharap semua pihak mengambil bahagian," katanya.

Seri Alam: Dua kes kematian bahkikan remaja berusia 13 dan 14 tahun dalam tempoh dua bulan berpunca daripada penyakit demam denggi.

Itu adalah antara 44 kes demam denggi direkodkan di daerah ini dalam tempoh sama. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya, Liow Cai Ting berkata, statistik Januari dan Februari itu menandakan sebanyak 17 kes demam denggi berlaku di Jalan Tasek 13 hing-

Dua remaja maut hidap denggi

ga Jalan Tasek 45 di sini. Ia diikuti Flat Tasek 64 (tapan kes), Jalan Kimba 1 hingga 16 (empat kes), Jalan Rimba 46 hingga 60 (tiga kes), Apartmen Seri Ilham (tiga kes), Jalan Tasek 46 hingga 63 (tiga kes). "Selain itu, Jalan Suria mencatatkan dua kes demam denggi, Apartmen Se-

ri Mutiara (dua kes) dan Jalan Rimba (dua kes)," katanya selepas mengadakan tinjauan wabak denggi di Blok D, Pangsupuri Seri Ilham, Jalan Tasek di sini, semalam. Liow berkata, wabak demam denggi masih dalam keadaan terkawal dengan program semburan asap

mega dilaksanakan pada 28 Februari lalu.

Katanya, Jalan Tasek 46 hingga 63 dan Apartmen Apartmen Seri Mutiara antara dua lokasi yang merekodkan kes baharu di daerah ini.

Katanya, bagi mengatasi masalah itu Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru melaksanakan semburan asap mega di kawasan ini selain aktiviti gotong-royong bagi membersihkan

